



**Anggota perubatan** memberi bantuan kepada mangsa cedera akibat gempa bumi di Papua New Guinea, semalam.

# 18 korban gempa Papua New Guinea

**Sydney:** Sekurang-kurangnya 18 maut selepas gempa bumi dengan magnitud 6.7 pada skala Richter melanda kawasan pergunungan Southern Highlands, di Papua New Guinea (PNG) awal pagi semalam.

Itu berlaku pada tengah malam (waktu tempatan) di kawasan yang terletak 31 kilometer di arah barat daya pusat gempa pada Isnin lalu.

Gempa magnitud 7.5 pada skala Richter itu mengakibatkan puluhan kampung musnah, manakala 55 mangsa maut.

Itu adalah kejadian paling buruk susulan siri gempa bumi yang menggemparkan wilayah yang kaya dengan sumber asli itu.

**Sukar hulus bantuan** Kejadian berlaku di lokasi yang terletak 600 kilometer di barat laut Port Moresby hingga menyukarkan usaha menghulurkan bantuan kecemasan kepada hampir 150,000 penduduk.

"Saya baharu sahaja menerima laporan bahawa 18 orang terbunuh malam, semalam. Nam-

paknya kawasan Hides dilanda gempa kuat.

"Kami belum mendengar sama ada terdapat kehilangan nyawa di sana, tetapi ia sebuah perkampungan yang padat penduduk," kata Pentadbir Wilayah Hela, William Bando kepada Reuters.

Semalam, media tempatan melaporkan bahawa angka kematian akibat gempa bumi pertama meningkat kepada 75 orang, selepas laporan awal mencatatkan jumlah kematian seramai 55 orang.

REUTERS